

Khamis, Apr 05 2018

# Pertumbuhan ekonomi sokong ringgit kekal kukuh

➔ Prospek mata wang tempatan diunjur terus positif, cecah RM3.80 akhir tahun ini

BH 5/4

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@nstp.com.my

**R**inggit memulakan minggu pertama dagangan suku kedua 2018 dalam aliran kukuh berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dengan berlegar pada paras tinggi dalam tempoh dua tahun.

Mata wang tempatan itu mencecah RM3.8533 berbanding satu dolar AS, paras tertinggi sejak April 2016 pada awal dagangan hari pertama suku kedua tahun ini pada Isnin. Ringgit terus kekal stabil pada paras RM3.8693 berbanding satu dolar AS semalam.

Penganalisis pasaran kekal positif dengan prospek ringgit untuk sepanjang tahun ini, dengan kebanyakan mengunjurkan mata wang tempatan itu akan mencecah paras RM3.80 berbanding dolar AS pada akhir tahun ini.

Ahli Ekonomi United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (UOB Malaysia), Julia Goh, berkata pertumbuhan ekonomi negara

kepada pasaran buruh, pendapatan nominal yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, dan kemewahan yang semakin meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia membantu mengukuhkan tahap penggunaan swasta di Malaysia.

## **Bantuan galak perbelanjaan**

“Langkah fiskal negara, seperti pengurangan cukai individu, bantuan tunai dan pemberian belanjawan juga memberi sokongan selanjutnya untuk perbelanjaan pengguna.

“Sebagai tambahan, ekonomi global yang terus berkembang akan mendorong perdagangan dan pelaburan, di samping memberi sokongan pertumbuhan yang menggalakkan bagi Malaysia,” katanya.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata buat masa ini, nilai ringgit berbanding dolar AS dilihat bergerak sekitar RM3.85 hingga RM3.8 berbanding satu dolar AS.

Beliau berkata, kelihatan seperti nilai ringgit ini cende-

“Berdasarkan analisis teknikal, paras sokongan berada pada tahap RM3.82, manakala paras rintangan pula berada pada tahap RM3.98.

“Pihak kami masih mengekalkan unjuran ringgit antara RM3.85 hingga RM3.95 bagi tahun ini,” katanya.

Afzanizam berkata, penguatan nilai ringgit akan terus berlaku pada kadar perlahan dan teratur.

Beliau berkata, perkara itu sesuatu yang baik kerana ia dijangka tidak memberikan kejutan negatif kepada eksport.

Sementara itu, State Street Global Markets pula berpendapat, meskipun ringgit mencatatkan prestasi terbaik di kalangan mata wang baharu muncul Asia, namun nilainya masih rendah jika dibandingkan dengan mata wang lain.

Firma penyelidik itu berkata, berdasarkan penilaian kadar pertukaran efektif benar (REER) menunjukkan ringgit masih rendah untuk jangka panjang.

Katanya, penyusutan ringgit sebelum ini memberi impak

yang teguh dan keadaan pertumbuhan global yang masih menggalakkan akan menyokong tinjauan positif untuk ringgit.

Beliau berkata, ringgit dijangka meraih manfaat daripada aliran mantap pelaburan sektor swasta dan tahap penggunaan bagi pengguna swasta yang lebih tinggi di negara ini.

Katanya, penambahbaikan

rung untuk mencatatkan tren pengukuhan pada suku kedua.

Namun, katanya, masih terdapat elemen ketidakpastian seperti prospek kenaikan kadar faedah di AS dan pergerakan harga minyak serta dasar pentadbiran Presiden AS, Donald Trump yang melaksanakan dasar perlindungan terutamanya terhadap negara China.

jangka panjang kepada penilaian mata wang berkenaan dan menjadikan nilainya lebih rendah berbanding mata wang serantau lain.

“Prestasi memberangsangkan ringgit dijangka berterusan disokong kenaikan harga komoditi, risiko kedudukan yang rendah dan penilaian murah,” katanya